



**KERTAS UNTUK MAKLUMAN DAN KELULUSAN
MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI UPM KALI KE-36 (KHAS)**

**LAPORAN PENEMUAN AUDIT DALAMAN
SISTEM PENGURUSAN KUALITI TAHUN 2017**

Tujuan

1. Kertas ini disediakan bertujuan untuk memaklumkan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Universiti Putra Malaysia (UPM) mengenai penemuan audit dalaman Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) tahun 2017.

Latar Belakang

2. UPM telah melaksanakan audit dalaman pada 10 hingga 14 dan 17 hingga 20 Julai 2017. Audit dalaman pada tahun ini menggunakan Standard baharu iaitu MS ISO 9001:2015 berbanding tahun sebelum ini MS ISO 9001:2008. Semua entiti/Pusat tanggungjawab (PTJ) telah diaudit termasuk lima (5) entiti/PTJ baharu iaitu Institut Kajian Perladangan, Pusat Antarabangsa, Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa, Pusat Sains Marins dan Pusat Wakaf, Zakat dan Endowmen.

3. Seramai 102 orang Juruaudit Dalaman Universiti dan 266 orang Juruaudit Dalaman Pusat Tanggungjawab (PTJ) telah melaksanakan audit pada tarikh yang ditetapkan. Pelaksanaan audit dalaman diketuai oleh Ketua Juruaudit Dalaman (KJAD) QMS dan Timbalan KJAD QMS iaitu:

3.1 Tuan Haji Mat Razi Abdullah – KJAD;

3.2 Tuan Haji Nasruddin Yahya – Timbalan KJAD.

4. Objektif audit dalaman adalah untuk menentukan sama ada UPM melaksanakan Pengurusan Kualiti berdasarkan keperluan standard MS ISO 9001:2015 dengan efektif selaras dengan Dasar Kualiti dan Objektif Kualiti UPM, melihat penambahbaikan yang bersesuaian bagi peningkatan berterusan, dan bersedia untuk menghadapi audit Pemantauan Semakan 2 oleh badan pensijilan SIRIM.

5. Skop audit adalah seperti berikut:

“Perkhidmatan pengajian pendidikan di peringkat *tertiary*, pengurusan dan pelaksanaan penyelidikan, perhubungan industri dan masyarakat, pengurusan pembangunan pelajar dan alumni, dan perkhidmatan korporat”.

Skop SPK ini merangkumi semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran prauniversiti, prasiswazah (kecuali persediaan Diploma Sains) dan siswazah, pengurusan dan pelaksanaan penyelidikan dan perkhidmatan sokongan.

6. Kaedah audit yang diguna semasa pelaksanaan audit dalaman adalah semakan maklumat yang didokumenkan bagi tempoh selepas audit badan pensijilan bermula 30 Julai 2016, pemerhatian pelaksanaan aktiviti, pengujian fungsi peralatan, dan temubual auditi.

Penemuan Audit

7. Hasil daripada audit dalaman yang telah dijalankan beberapa Laporan Ketakakuran (NCR) dan Peluang Penambahbaikan (OFI) telah direkodkan. Laporan penemuan audit telah dibentangkan oleh Ketua Juruaudit Dalaman semasa Mesyuarat Penutupan Audit Dalaman pada 27 Julai 2017. Perincian penemuan audit adalah sebagaimana **Jadual 1**.

Jadual 1: Bilangan Penemuan Audit Dalaman

Penemuan	Bilangan
NCR	157
OFI	152
Perincian penemuan audit mengikut PTJ, Klausu dan proses boleh dirujuk dalam portal Jaminan kualiti (Portal CQA)	

8. Pemakluman bagi laporan penemuan audit dalaman dan maklum balas pelan tindakan penemuan audit telah diemelkan kepada semua Timbalan Wakil Pengurusan (TWP) dan Timbalan Penyelaras Audit (TPAD) pada 31 Julai 2017. Sehubungan itu cadangan tarikh bagi penutupan audit adalah pada 29 Ogos 2017. Penetapan tarikh sebenar tindakan bagi penutupan audit dalaman adalah berdasarkan tarikh yang dinyatakan atau tarikh lain yang dipersetujui antara PTJ dan Juruaudit mengikut kesesuaian tempoh tindakan.

9. Maklum balas bagi tindakan ke atas penemuan audit (NCR dan OFI) perlu dilengkapi oleh TWP atau TPAD melalui Portal Jaminan Kualiti (Portal CQA) secara *online* di bawah pautan Audit Dalaman.

Syor

10. Ahli mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM, Universiti Putra Malaysia dimohon beri perhatian perkara berikut:

- (a) mengambil perhatian mengenai status penemuan audit dalaman QMS bagi tahun 2017;
- (b) mengambil tindakan ke atas penemuan audit dalaman mengikut tarikh yang ditetapkan atau dipersetujui oleh Juruaudit Dalaman.